

Helo Kampus

f helo kampus
kampus@utusan.com.my

Kumpulan sukarelawan Putra Bakti Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menjalankan perkhidmatan kesihatan dan mengkhatarkan kanak-kanak tempatan di Kampung Kampot, Kemboja selama dua hari berturut-turut, baru-baru ini.

Ketua kumpulan Putra Bakti UPM, **Dr. Aditya Adawiah Darwis** berkata, mereka berpuas hati dengan sumbangan rawatan kesihatan walaupun masa amat terhad selain masalah komunikasi bahasa dengan penduduk.

"Saya difahamkan kebanyakannya daripada penduduk kampung lebih suka membeli ubat di farmasi berbanding dengan bertemu doktor perubatan di klinik atau hospital awam."

Putra Bakti UPM berbudi di Kemboja

"Penduduk yang kami rawat mengadu mengalami masalah seperti sakit-sakit badan, sakit tekak dan sakit kepala.

"Faktor habuk, kemarau dan ketiadaan paip untuk bekalan air bersih kemungkinan menyumbang kepada masalah kesihatan mereka yang

majoritinya bekerja sendiri di kampung," katanya.

Penyertaan UPM dalam program khidmat komuniti ini atas jemputan Majlis Setiausaha Politik Malaysia (MSPM) yang diuruskan oleh Koordinator Putra Bakti UPM, **Bukryman Sabri**, seorang aktivis sukarelawan yang juga pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM.

Dalam program khidmat komuniti bersama 1,500 penduduk Kampung ini, kumpulan perubatan yang diwakili pegawai dan kakitangan Perubatan Pusat Kesihatan UPM merawat kesihatan penduduk kampung yang majoritinya beragama Islam. Pegawai perubatan UPM yang turut serta ialah Dr. Nurhayati Mohd. Sobki, Dr. Soe Min Htet @ Mohamed Rafee dan pembantu perubatan, Muhammad Athuf Azhar.

Perasmian program



HUN SEN mewakili Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen berbual mesra dengan penduduk selepas merasmikan Program Khidmat Komuniti Majlis Setiausaha Politik Malaysia di Kampot, Kemboja, baru-baru ini.


RAWATAN kesihatan oleh kumpulan sukarelawan Putra Bakti UPM kepada penduduk Kampung Kampot.

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lima dari UPM.

Terdahulu, semua sukarelawan diraikan oleh Duta Besar Malaysia ke Kemboja, **Datuk Seri Hasan Malek** dan pegawai kedutaan di Kedutaan Besar Malaysia.

Setiausaha Politik Menteri

Pendidikan Tinggi, **Datuk Abd Halim Jusoh** terharu dengan usaha UPM selaku wakil pendidikan tinggi yang menyumbang tenaga dan kapakaran kepada masyarakat kurang berkemampuan di luar negara dalam program MSP yang turut dihadiri kira-kira 24 ahli.



DR. ADITYA ADAWIAH DARWIS (kanan) mengetuai Pasukan Perubatan UPM.